



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



**Universiti
Putra
Malaysia**



AGENDA 6.1 (d): Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2020

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Tahun 2021

19 November 2021 | 9.00 pagi | MENERUSI APLIKASI ZOOM MEETING



UniPutraMalaysia



@uputramalaysia



uniputramalaysia



universitiputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

LATAR BELAKANG

Laporan pencapaian objektif keselamatan maklumat merupakan salah satu input berkaitan maklum balas prestasi keselamatan maklumat yang perlu dilaporkan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi memenuhi keperluan **Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**:

Klaus 9.3 (c) perkara 4 berhubung pencapaian objektif keselamatan maklumat



9.3 Kajian semula pengurusan

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semula sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi pada sela masa yang dirancang bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya yang berterusan.

Kajian semula pengurusan hendaklah mengandungi pertimbangan tentang:

- a) status tindakan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;
- b) perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat;
- c) maklum balas tentang prestasi keselamatan maklumat, termasuk trend dalam:
 - 1) ketakakuran dan tindakan pembetulan;
 - 2) hasil pemantauan dan pengukuran;
 - 3) hasil audit; dan
 - 4) pencapaian objektif keselamatan maklumat;
- d) maklum balas daripada pihak berkepentingan;
- e) hasil pentaksiran risiko dan pelan penguraian risiko; dan
- f) peluang untuk penambahbaikan berterusan.


Output kajian semula pengurusan hendaklah merangkumi keputusan yang berkaitan dengan peluang penambahbaikan yang berterusan dan sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan keselamatan maklumat.

Organisasi hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti daripada hasil kajian semula pengurusan.



PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2020

PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2020 MENGIKUT PASUKAN ISMS



**Pasukan Pendaftaran
Pelajar Baharu
Prasiswa (Kampus
Serdang & Bintulu)**

Pasukan Pusat Data

**Pasukan Penilaian
Pengajaran Prasiswa di
Fakulti**

Tidak capai sasaran

capai sasaran

PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2020

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2020	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian 2020 (Januari – Disember 2020)
1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	100% (UPM Serdang) 98% (UPM Bintulu)	Peratusan pelajar baharu yang membayar yuran secara atas talian	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (Kampus Serdang dan Bintulu)	UPM Kampus Serdang: 100% (Kesemua 3830 pelajar baharu Bacelor bagi kemasukan Oktober 2020 membuat bayaran yuran secara atas talian). UPM Kampus Bintulu: 100% (Kesemua 359 orang pelajar baharu Diploma bagi kemasukan Ogos 2020 & 130 orang pelajar baharu Bacelor bagi kemasukan Oktober 2020 telah membuat bayaran yuran secara atas talian).
2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam	Jumlah masa yang diambil untuk memulihkan sistem	Pasukan Pusat Data	Tiada gangguan sistem aplikasi yang terlibat semasa pendaftaran pelajar baharu yang berlaku pada 3 - 4 Ogos 2020 (Diploma) dan 10-11 Oktober (Bacelor).
3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar memberi skor penilaian sekurang-kurangnya 4.00 pada skala Likert 5.00	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswa di Fakulti	76.22% (375 daripada 492 responden mencapai purata skor 4.00 dan ke atas)



Mesyuarat diminta mengambil makluman dan perhatian:

1. **Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013** bagi tempoh Januari hingga Disember 2020;
2. **Objektif yang tidak mencapai sasaran** telah diambil tindakan pembetulan/penambahbaikan oleh PTJ/Peneraju terlibat; dan
3. Objektif Keselamatan Maklumat **dipantau dan diukur keberkesanannya 2 kali setahun** bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.





Terima Kasih

[f UniPutraMalaysia](#) [@uputramalaysia](#) [uniputramalaysia](#) [universitiputramalaysia](#)

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN
BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE